

SENARAI KANDUNGAN

**SURAT SERAHAN
PRAKATA
PENGHARGAAN**

1.0 : PENGENALAN

2.0 : TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

3.0 : LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

- 3.1 : LOGO ORGANISASI
- 3.2 : PENERANGAN LOGO ORGANISASI
- 3.3 : KAD PERNIAGAAN

4.0 : LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI

- 4.1 : SYARAT PERJANJIAN AHLI KONGSI

5.0 : LOKASI TAPAK PROJEK

- 5.1 : KEDUDUKAN FIZIKAL
- 5.2 : BANGUNAN
- 5.3 : KEMUDAHAN ASAS

6.0 : RANCANGAN PENTADBIRAN

- 6.1 : PENGENALAN ORGANISASI
- 6.2 : MISI
- 6.3 : MATLAMAT ORGANISASI
- 6.4 : STRATEGI PENTADBIRAN
- 6.5 : CARTA ORGANISASI
- 6.5.1 : STRUKTUR ORGANISASI
- 6.6 : BILANGAN TENAGA KERJA
- 6.7 : SPESIKASI TUGAS
- 6.8 : IMBUHAN BALAS JASA
- 6.8.1 : IMBUHAN JASA DAN INSENTIF
- 6.9 : SENARAI KEPERLUAN BAHAN
- 6.10 : PERBELANJAAN PENTADBIRAN
- 6.11 : SUSUN ATUR PEJABAT

7.0 : RANCANGAN PEMASARAN

- 7.1 : ANALISIS PEMASARAN
- 7.2 : KELEBIHAN SYARIKAT KAMI BERBANDING SYARIKAT LAIN.
- 7.3 : SASARAN PASARAN
- 7.4 : SAIZ PASARAN
- 7.5 : PERSAINGAN
- 7.6 : KEKUATAN DAN KELEMAHAN PESAING
- 7.7 : SYER PASARAN
- 7.8 : RAMALAN JUALAN
- 7.9 : STRATEGI PEMASARAN
- 7.10 : PERBELANJAAN PEMASARAN
- 7.11 : RUMUSAN PEMASARAN

8.0 : RANCANGAN OPERASI

- 8.1 : MATLAMAT PERANCANGAN OPERASI
- 8.2 : PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN
- 8.3 : SENARAI KEPERLUAN BAHAN
- 8.3.1 : SENARAI BAHAN KIMIA
- 8.3.2 : KEGUNAANNYA
- 8.4 : PROSES PENCUCIAN
- 8.4.1: PROSES PEMBERSIHAN TANDAS
- 8.4.2 : PROSES PERAWATAN LANTAI
- 8.4.3 : PENJAGAAN KARPET
- 8.5 : TENAGA KERJA
- 8.6 : MESIN
- 8.6.1 : SENARAI MESIN
- 8.6.2 : KEGUNAAN MESIN
- 8.7 : PERALATAN PENCUCIAN
- 8.8 : PERBELANJAAN OPERASI
- 8.9 : JADUAL PERBELANJAAN OPERASI
- 8.10 : PEMBEKAL BAHAN MENTAH
- 8.11 : HARGA YANG DIKENAKAN KEPADA PELANGGAN

9.0 : RANCANGAN KEWANGAN

- 9.1 : PENGENALAN
- 9.2 : KOS PERLAKSANAAN PROJEK
- 9.3 : SUMBER PEMBIAYAAN PROJEK
- 9.4 : JADUAL BAYARAN BALIK PINJAMAN
- 9.5 : JADUAL BAYARAN ANSURAN SEWABELI
- 9.6 : SUSUTNILAI ASET TETAP



PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Kedah
Peti Surat 187
08400 Merbok
Kedah Darul Aman

Tel: 04-457 1300
Fax: 04-457 4355

Surat Kami 500-KDH(MEDC. 15/2/1)
Tarikh 3/1/2000

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

ASAS KEUSAHAWANAN (ETR)

Adalah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa penama-penama yang dinyatakan di bawah ini adalah pelajar-pelajar UiTM Cawangan Kedah yang sedang mengikuti subjek Asas Keusahawanan yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), UiTM Cawangan Kedah pada semester ini.

Salah satu daripada syarat di dalam subjek tersebut ialah pelajar-pelajar dimestikan untuk menyediakan satu Rancangan Perniagaan (RP) yang lengkap mengenai projek yang mereka pilih sendiri.

Pelajar-pelajar berkenaan ialah:

1. Ardiswandi Abdul Ghafar
2. Haryati Norani
3. Shajaratuddur Ahmad
4. Siti Syiqah Khamis
5. Suhaila Sulaiman

Pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama yang sewajarnya kepada penama berkenaan.

Sekian, terima kasih

Yang benar

MOHD Z AR OSMAN
Koordinator
b/p. Provos

R.D. OSMAN
Direktor
Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia
Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok
Kedah Darul Aman

PRAKATA

Kertas kerja asas keusahawanan (ETR 300.) adalah merupakan sebuah dokumen bertulis yang bertujuan untuk mendedahkandiri seseorang pelajar kepada alam perniagaan di samping membolehkan mereka mempraktikkan apa yang telah dipelajari sepanjang menuntut di UiTM. Seterusnya graduan yang lahir tersebut dapat membentuk ekonomi yang maju bagi menyahut cabaran wawasan 2020. Tujuan matapelajaran ETR diwajibkan kepada pelajar-pelajar UiTM ini kerana ia dapat menilai dan memberi peluang kepada usahawan untuk memilih yang terbaik sebelum memulakan sesuatu pernigaan, menjadi garis panduan untuk mengurus perniagan sehari-hari serta dapat menyakinkan pihak tertentu bagi mandapat sumber pembiayaan kewangan untuk pembangunan sumber gunatenaga manusia dalam ekonomi negara.

1.0 : PENGENALAN

Kemunculan bangunan-bangunan tinggi , hotel-hotel bertaraf lima bintang, industri-industri berat , pusat-pusat komersial dan sebagainya yang tumbuh bak cendawan selepas hujan dan juga para pelabur dari dalam dan luar negara yang sedia melabur dalam pelbagai sektor dengan mengambil kira keadaan politik yang stabil telah mengorak langkah ke arah pembangunan negara yang pesat dan membangun. Ekoran daripada kepesatan ini maka, sudah tentulah banyak bangunan bangunan baru akan wujud di mana ianya sudah tentu memerlukan perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan. Kewujudan bangunan- bangunan ini telah memberi peluang kepada kami untuk menjadikannya sebagai satu bidang perniagaan. Maka dengan itu, kami telah menubuhkan sebuah syarikat pembersihan bangunan yang didaftarkan di atas nama Kejora Bersatu Enterprise atau singkatannya KBE.

Jenis perkhidmatan yang dijalankan oleh syarikat kami ialah sebuah perniagaan berbentuk perkhidmatan iaitu perkhidmatan pembersihan bangunan (dalam dan luaran) yang meliputi pelanggan yang terdiri daripada jabatan kerajaan dan swasta.

Perniagaan ini adalah merupakan sebuah perniagaan perkongsian yang melibatkan lima orang rakan kongsi di mana setiap ahli kongsi menyumbangkan modal sebanyak RM 13,000 seorang dan ia adalah tertakluk dengan syarat-syarat yang tertentu. Syarikat ini mempunyai lima jawatan utama yang terdiri daripada pengurus besar, pengurus pemasaran, pengurus operasi, pengurus pentadbiran dan pengurus kewangan. Lokasi perniagaan kami adalah terletak di Medan Selera Bakar Arang yang beralamat di nombor 11 A, Lot 3431, Medan Selera Bakar Arang, 08000 Sungai Petani, Kedah. Syarikat ini akan mula beroperasi pada 1 Januari 2001.

Terdapat beberapa sebab atau faktor utama yang mendorong kami untuk menceburi perniagaan ini. Antaranya ialah faktor pembangunan di mana pembangunan begitu pesat sekali membangun dan dengan ini sudah tentulah banyak bangunan-bangunan baru akan didirikan. Ini adalah kerana, pembangunan tidak wujud tanpa